

# Harga ikan dijangka lebih murah

ECRL bakal jadi penghubung penghantaran ikan ke seluruh negara

19/11/2018 M/S 24

Sinar Harian

RAIHAM MOHD SANUSI

**KEMAMAN** - Harga ikan di negara ini dijangka akan lebih murah selepas siapnya projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ekoran kos pengangkutan yang dapat dijimatkan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, jajaran ECRL yang menghubungkan negeri pantai timur ke Lembah Klang akan menjadi pemangkin ekonomi dan turut mempengaruhi kos penghantaran ikan segar.

Menurutnya, jajaran kereta api laju itu yang turut merentasi Tok Bali, Kelantan yang merupakan tempat pendaratan ikan laut dalam terbesar di negara ini akan memudahkan dan menjimatkan kos penghantaran ikan yang baharu didaratkan.

“Dengan ada-

nya rangkaian kereta api ini ia menjadikan Tok Bali dapat menjalankan fungsinya lebih berkesan lagi. Penghantaran bekalan ikan ke seluruh negara akan dapat dibuat dengan cepat.

“Ia akan menjadikan harga ikan di pasaran lebih murah kerana kos pengangkutan itu dapat dijimatkan,” katanya pada sidang media selepas hadir pada Taklimat ECRL Kepada Pemimpin Komuniti Tempatan Parlimen Kemaman yang diadakan di Dewan Berlian Utama,

Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), di sini, semalam.

Ahmad Shabery berkata, jika penghantaran tidak dilakukan dengan cepat, sebahagian ikan segar yang didaratkan di kawasan itu lebih cenderung dibeli oleh negeri-negeri kawasan utara negara termasuk yang di luar sempadan negara.

Kata Ahli Parlimen Kemaman itu, secara keseluruhannya memberi satu rangsangan kepada penduduk-penduduk di pantai timur kerana ia merupakan satu titik per-

ubahan dari segi perhubungan, memudahkan pengurusan perniagaan dan sebagainya.

“Tapi yang lebih penting, ia disertai dengan peluang-peluang baharu dari segi pekerjaan, kontrak (projek) dan pembangunan modal insan bagaimana kita dapat merekrut anak-anak muda sama ada yang telah terlatih atau belum.

“Peluang-peluang ini dapat dinikmati bukan sahaja semasa projek ini berjalan selama enam tahun tapi selepas siap projek ini, rakyat akan

**INFO** • Memberi satu rangsangan kepada penduduk di pantai timur

terlibat dalam pengurusan ECRL ini di masa akan datang,” katanya.

Susunan itu, beliau turut memuji program engagement (pertemuan) yang dilakukan pengendali projek ECRL itu, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dengan pihak rakyat kerana ia memberi gambaran sebenar mengenai keseluruhan projek itu kepada rakyat.

“Oleh itu kita alu-alukan taklimat sebegini turut dijalankan di semua daerah terlibat,” katanya.

Pada program itu, taklimat disampaikan sendiri Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Seri Darwis Abdul Razak. Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Projek ECRL yang bernilai RM55 bilion dan melibatkan jajaran sejauh 688 kilometer dari Pengkalan Kubur, Kelantan ke Pelabuhan Klang mula dibangunkan pada November lepas dan dijangka siap pada Julai 2024.



Ahmad Shabery (kiri) berucap merasmikan program Taklimat ECRL Kepada Pemimpin Komuniti Tempatan Parlimen Kemaman yang diadakan di Dewan Berlian Utama MPK, semalam.



Kira-kira 1,000 pemimpin komuniti dan ketua agensi hadir pada sesi taklimat yang dijalankan.